

23/03/1998

Tidak lebih 50 peratus (HL)

Salina Abdullah

SUBANG, Ahad - Perbendaharaan akan mengkaji kemungkinan menaikkan penyertaan ekuiti asing dalam industri perbankan tempatan, tetapi tidak melebihi 50 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jika penyertaan pelabur asing dalam industri perbankan ditingkatkan lebih daripada 50 peratus, bank tempatan akan menjadi bank asing.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada penyertaan pelabur asing dalam bank tempatan akan dinaikkan melebihi 50 peratus berikutan minat pelabur Taiwan dalam industri perbankan di negara ini.

Syarikat pelaburan terbesar di Taiwan, China Development Corporation (CDC) sedang mengkaji kemungkinan melabur di industri perbankan Malaysia.

Perkara itu ditimbulkan apabila delegasi CDC yang diketuai pengerusinya Dr Liu Tai-Ying menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pagi ini. CDC dilaporkan akan melabur AS\$300 juta di Thailand, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Ditanya sama ada ekuiti pelabur asing dalam bank tempatan akan dinaikkan kepada 49 peratus, Perdana Menteri berkata, Kementerian Kewangan akan mengkaji implikasinya.

Buat masa ini, ekuiti asing di dalam bank Malaysia dihadkan kepada 30 peratus.

"Kita membenarkan penyertaan asing pada tahap tertentu dalam bank tempatan," katanya kepada pemberita sekembalinya daripada lawatan kerja tiga hari ke Jerman untuk mempromosi Koridor Raya Multimedia.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menerima penyertaan mana-mana pelabur termasuk dari Taiwan tetapi perlu mengkaji dengan teliti implikasi yang mungkin timbul jika membenarkan pegangan ekuiti asing dalam bank tempatan melebihi 50 peratus.

"Tak apalah, kalau datang dari Taiwan atau mana-mana pun. Jika lebih daripada 50 peratus, ia akan jadi bank asing.

"Untuk itu, buat masa ini, kita tidak beri walaupun ditekan supaya membenarkan (pegangan ekuiti asing) sehingga 100 peratus.

"Kita memerlukan kajian terhadap implikasinya. Kita benarkan penyertaan asing pada tahap tertentu dalam bank tempatan," katanya.

Ditanya sama ada Mesyuarat Asia-Eropah Kedua (Asem-2) di London dari 2 hingga 4 April ini akan menghasilkan keputusan positif, Dr Mahathir kurang berkeyakinan ia dapat merumuskan jalan penyelesaian terhadap kegawatan ekonomi rantau Asia.

Perdana Menteri yang akan mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat itu berkata, ini kerana pandangan Eropah amat berbeza dengan rantau Asia dalam memperkatakan masalah ekonomi di rantau ini.

"Dalam mesyuarat ini, sekali lagi kita berpeluang menjelaskan keadaan sebenar walaupun mungkin pandangan mereka berbeza dengan kita.

"Mereka lebih mengutamakan kebebasan perdagangan tanpa mengambil kira kesannya. Kesan tidak penting walaupun berjuta-juta (rakyat) tiada pekerjaan.

"Ini adalah keperitan yang dihadapi supaya perdagangan menjadi bebas," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan walaupun beliau sudah menjelaskan punca masalah ekonomi di rantau ini, negara Eropah tetap menyalahkan kerajaan negara berkenaan.

"Di mana-mana dan bila-bila saya jelaskan masalah ini, jawapan mereka

ialah kita harus bina keyakinan. Kita harus ada kerajaan yang lebih berdisiplin dan lebih telus.

"Pendek kata, mereka menyalahkan kerajaan negara Asia Tenggara, mengapa ini berlaku," katanya.

Ditanya sama ada pendirian Eropah menandakan mereka tidak yakin dengan kepemimpinan kerajaan, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak tahu. Untuk 30 tahun lamanya, mereka yakin dengan kita. Mereka melabur di sini, mereka beri pinjam duit yang banyak.

"Tiba-tiba mereka tidak yakin. Kita tidak tahu apa lagi yang kita kena buat".

Ditanya sama ada masalah ekonomi yang dihadapi beberapa negara di rantau Asia menjejaskan kemasukan Laos dan Myanmar yang menjadi anggota Asean, Julai lalu ke dalam Asem, beliau berkata, mesyuarat itu akan memberi tumpuan terhadap kriteria keahlian.

Menurutnya, mesyuarat itu antara lain akan menentukan ciri untuk dikategorikan sebagai negara Eropah atau Asia dan sama ada sistem domestik sesebuah negara itu perlu diambil kira bagi membolehkan penyertaan negara terbabit.

Mesyuarat Asem pertama berlangsung di Bangkok pada 1996. Asem dianggotai 15 negara Kesatuan Eropah dan tujuh negara Asean, termasuk China, Korea Selatan dan Jepun.

(END)